



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 28 APRIL 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	MALAYSIA TERUS TEROKA PELUANG PERTANIAN, MAKANAN DENGAN UZBEKISTAN, SH -ONLINE MALAYSIA CONTINUES TO EXPLORE AGRICULTURAL COLLABORATION WITH UZBEKISTAN - MAFI MINISTER, ASIA NEWS TODAY -ONLINE MALAYSIA CONTINUES TO EXPLORE AGRICULTURAL COLLABORATION WITH UZBEKISTAN, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	BERNAS, CSR, ERA SUMBANG BUBUR LAMBUK, NEGARA, KOSMO -6 BERNAS SERAH 1,500 BUBUR LAMBUK KEPADA IPK SELANGOR, NASIONAL, BH -21	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
6. 7. 8. 9.	MAQIS RAMPAS POKOK HIASAN, LOBAK DI SELANGOR, JOHOR, NASIONAL, BH -21 MAQIS RAMPAS LOBAK MERAH CHINA BERNILAI RM75,800, NEGARA, KOSMO -16 KONTENA BAWA 5,000 BONSAI DITAHAN, NEGARA, KOSMO -16 5,000 POKOK TANAMAN HIASAN MILIKI SERANGGA PEROSAK, LOKAL, HM -3	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
10. 11.	PERMINTAAN MENINGKAT, LOKAL, HM -3 BERAS DI SELUDUP DARI BANGLADESH MENINGKAT, HM -ONLINE	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
12.	SABAH'S ASF SUSPECTED CAME FROM PHILIPPINES, NATION, SIN CHEW DAILY -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
13.	MBSA KUMPUL LEBIHAN MAKANAN, NEWS, SELANGOR KINI -24	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
14. 15. 16. 17.	KERIAN SEBAGAI HUB MAKANAN LAUT, KOSMO -ONLINE WE MUST RETHINK HOW WE PRODUCE AND CONSUME FOOD, OPINION/NEWS, NST -15 138 HEKTAR UNTUK TAMAN AGROTEKNOLOGI PERTANIAN, NASIONAL, SH -7 DORONGAN AYAH JADI USAHAWAN MADU, BISNES SINAR, SH -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Malaysia terus teroka peluang pertanian, makanan dengan Uzbekistan



Ronald (kanan) ketika menerima kunjungan Ravshan di Wisma Tani, Putrajaya pada Isnin.

SHAH ALAM - Malaysia akan terus meneroka peluang kerjasama baharu dalam sektor pertanian dan industri makanan dengan Uzbekistan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, Uzbekistan merupakan rakan dagangan Malaysia di Asia Tengah yang mempunyai potensi

pasaran yang tinggi.

Menurutnya, hubungan baik bersama Uzbekistan menyaksikan Malaysia berjaya memperoleh sebanyak RM115.03 juta dalam perdagangan pertanian bagi tempoh Januari hingga November 2020.

“Ini membabitkan nilai eksport perdagangan pertanian Malaysia ke Uzbekistan berjumlah RM145.97 juta dan nilai import berjumlah RM30.94 juta.

“Produk eksport kebanyakannya adalah produk kopi, koko, teh, rempah dan buah-buahan, manakala produk import adalah sayur-sayuran dan buah-buahan,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, Ronald menerima kunjungan hormat Duta Besar Uzbekistan ke Malaysia, Ravshan Usmanov di Wisma Tani, Putrajaya.

Pada perjumpaan itu, kedua-dua pihak berbincang mengenai pelbagai aspek hubungan dua hala antara Malaysia dan Uzbekistan dalam sektor pertanian dan industri makanan.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Datuk Mohd Nasir Wassir.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	ASIA NEWS TODAY	ONLINE	

Malaysia continues to explore agricultural collaboration with Uzbekistan – MAFI Minister



PUTRAJAYA: Malaysia will continue to explore new cooperation opportunities in the agriculture and food industry sector with Uzbekistan, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said this was among the matters discussed regarding bilateral relations between the two countries when the Ambassador of Uzbekistan to Malaysia Ravshan Usmanov paid a courtesy call on Wisma Tani here, yesterday.

Uzbekistan is Malaysia's trading partner in Central Asia with high market potential. "From January to November 2020, agricultural trade between the two countries was in favour of Malaysia amounting to RM115.03 million, with the export value of Malaysia's agricultural trade to Uzbekistan amounting to RM145.97 million and import value amounting to RM30.94 million," said Ronald in a statement today.

Export products are mostly coffee, cocoa, tea, spices and fruits, while imported products are vegetables and fruits, he said. Also present during the courtesy call were Ministry of Agriculture and Food Industries secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid and the Agriculture Department director-general Datuk Mohd Nasir Warris.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	BERNAMA	ONLINE	

Malaysia continues to explore agricultural collaboration with Uzbekistan



PUTRAJAYA, April 27 – Malaysia will continue to explore new cooperation opportunities in the agriculture and food industry sector with Uzbekistan, said Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

He said this was among the matters discussed regarding bilateral relations between the two countries when the Ambassador of Uzbekistan to Malaysia Ravshan Usmanov paid a courtesy call on Wisma Tani here, yesterday.

Uzbekistan is Malaysia's trading partner in Central Asia with high market potential.

"From January to November 2020, agricultural trade between the two countries was in favour of Malaysia amounting to RM115.03 million, with the export value of Malaysia's agricultural trade to Uzbekistan amounting to RM145.97 million and import value amounting to RM30.94 million," said Ronald in a statement today.

Export products are mostly coffee, cocoa, tea, spices and fruits, while imported products are vegetables and fruits, he said.

Also present during the courtesy call were Ministry of Agriculture and Food Industries secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid and the Agriculture Department director-general Datuk Mohd Nasir Warris.

Bernas, CSR, ERA sumbang bubur lambuk

SHAH ALAM – Lebih 30 warga kerja Padiberas Nasional Berhad (Bernas) bersama Central Sugar Refinery Sdn. Bhd. (CSR) dan Syarikat Era Bayam Kota Sdn. Bhd. (ERA) bertungkus-lumus selama enam jam bagi menyediakan 1,500 bubur lambuk kepada warga Polis Selangor.

Mereka menyediakan bubur lambuk itu bermula pukul 8 pagi sebelum berjaya disiapkan pada pukul 2 petang di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

Ketua Kewangan CSR, Mohd. Azahar Mohd. Salleh berkata, penyediaan bubur itu melibatkan enam periuk besar dengan semangat kerjasama antara mereka yang terlibat dalam memberikan keceriaan kepada warga polis.

"Bubur lambuk ini disediakan menggunakan ramuan istimewa yang amat sinonim dengan juadah berbuka umat Islam di negara ini.

"Bernas turut mengagihkan 200 kilogram beras kepada Surau Khalid Al-Walid untuk program Dapur Rezeki surau itu," katanya ketika ditemui selepas program agihan bubur lambuk kepada petugas barisan hadapan di Surau Khalid Al-Walid di IPK Selangor, di sini semalam.

Hadir bagi menerima sumbangan tersebut adalah Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed.

Sementara itu, Arjunaidi memberitahu, kesemua bubur lambuk akan diagihkan kepada anggota polis yang bertugas di empat sekatan jalan raya (SJR) sekitar Petaling Jaya termasuk di Plaza Tol Subang, Damansara dan susur Sungai Buloh.

"Daerah tersebut masih lagi aktif menjalankan operasi SJR dengan melibatkan seramai 25 anggota polis di setiap SJR sepanjang Ramadan ini," katanya.



MOHD. AZAHAR (tengah) menyerahkan beg berisi bubur lambuk kepada Arjunaidi (kiri) di Surau Khalid Al-Walid, IPK Selangor, Shah Alam semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

BERNAS serah 1,500 bubur lambuk kepada IPK Selangor

Juadah dimasak gotong-royong guna resipi tradisi sebagai hidangan berbuka puasa

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor menerima 1,500 pek bubur lambuk istimewa dimasak menggunakan beras sumbangan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), semalam sebagai juadah berbuka puasa untuk anggota pasukan barisan hadapan itu.

Program tanggungjawab sosial korporat itu diadakan hasil inisiatif BERNAS bersama dua pembekal bahan makanan asas, Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) dan Syarikat Era Bayam Kota Sdn Bhd (ERA).

Bubur lambuk itu dimasak secara gotong-royong oleh lebih 30 kakitangan BERNAS, CSR dan ERA berasaskan resipi tradisi di kawasan Surau Khalid Al-Walid, IPK Selangor.

Juadah itu kemudian diserahkan kepada Ketua Polis Selangor, Datuk Arjunaidi Mohamed, sebelum diagihkan kepada anggota



Arjunaidi (kiri) menerima sumbangan daripada Mohd Azahar pada Program Agihan Bubur Lambuk Kepada Petugas Barisan Hadapan di IPK Selangor, semalam. (Foto BERNAMA)

IPK Selangor.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Polis Selangor, Datuk Shah-Laili Masduki dan Ketua Pegawai Kewangan CSR, Mohd Azahar Mohd Salleh.

Mohd Azahar dalam ucapan, berkata, program itu dianjurkan antara lain sebagai tanda terima kasih kepada pasukan polis yang komited dan berdedikasi dalam menangani pandemik COVID-19.

"Program kemasyarakatan seperti ini memang sebahagi dengan nilai ketiga-tiga syarikat kami. Ia juga adalah cara syarikat mem-

beri balik kepada masyarakat setempat di mana kami beroperasi.

"Warga kerja kami memang selalu menantikan peluang menyertai aktiviti sebegini. Kali ini, peluang muncul dengan program memasak bubur lambuk untuk polis.

"Sejak pagi lagi, mereka begitu teruja berkampung di sini untuk melakukan kerja memasak serta membungkus bersama petugas daripada pihak polis, sebagai persediaan mengedarkan pek bubur lambuk ini," katanya.

Sambil menyifatkan usaha, jasa dan khidmat bakti polis se-

bagai tidak ternilai, beliau berkata, program itu diharap sedikit sebanyak dapat menceria-kan pasukan terbabit ketika Ramadan.

"Kami juga berharap program seumpama ini akan terus memupuk nilai murni dalam kalangan warga kerja, selain menggalakkan amalan berkongsi rezeki ketika Ramadan," katanya.

Selain itu bagi membantu meringankan beban masyarakat, beliau berkata, BERNAS menyekurahkan 200 kilogram 'Beras RUI' untuk program Dapur Rezeki di Surau Khalid Al-Walid.

MAQIS rampas pokok hiasan, lobak di Selangor, Johor

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas pokok tanaman hiasan serta lobak merah segar dianggarkan bernilai lebih RM90,000 dalam dua pemeriksaan berasingan di Selangor dan Johor.

Dalam kejadian di Pelabuhan Klang Barat, Ahad lalu, MAQIS Selangor menahan kontena membawa 5,000 pokok tanaman hiasan jenis podocarpus macrophyllus (bonsai) dari Taiwan selepas dikesan ada serangga perosak.

Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata hasil pemeriksaan rutin kira-kira jam 3.30 petang, penguat kuasa Jabatan itu menemui serangga perosak pada setiap pokok berkenaan tetapi belum dikenal pasti dan masih dalam siasatan.

"Tanaman hiasan seberat kira-kira 6.690 kilogram (kg) itu dianggarkan bernilai RM18,350 dan dibawa masuk bagi pasaran tempatan (nursery)," katanya da-



Pokok tanaman hiasan dirampas di Pelabuhan Klang Barat.



Kakitangan MAQIS Johor menunjukkan lobak merah yang dirampas di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor Bahru, kelmarin.

lam satu kenyataan, semalam.

Susulan itu, beliau berkata, kontena terbabit ditahan untuk tindakan lanjut, dengan kes disiasat mengikut Seksyen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta

728) kerana mengimport produk pertanian dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi

enam tahun atau kedua-duanya, manakala bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya, denda maksimum RM150,000 atau penjara tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Di Johor Bahru, MAQIS me-

rampas 27 tan lobak merah segar dari China dalam pemeriksaan rutin di Pelabuhan Tanjung Pelepas, kira-kira jam 9.30 pagi kelmarin.

Pengarah MAQIS Johor, Hizuan Hasim, berkata hasil pemeriksaan mendapati maklumat pada label lobak merah dianggarkan bernilai RM75,900.88 itu disyaki tidak sama dengan yang diiktirafkan dalam sijil perakuan dikemukakan.

Sehubungan itu, beliau berkata, lobak merah terbabit dirampas untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta 728 kerana melakukan pengisytiharan mengelirukan pihak berkuasa.

Jika sabit kesalahan, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya pula boleh didenda tidak melebihi RM75,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	KOSMO	NEGARA	16

Maqis rampas lobak merah China bernilai RM75,800

ISKANDAR PUTERI - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mematahkan cubaan membawa masuk lobak merah bernilai RM75,800 di Pelabuhan Tanjung Pelepas, di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Hiz-zuan Hasim berkata, lobak berkenaan dirampas semasa pegawainya sedang memeriksa sebuah kontena pada pukul 9.30 pagi.

Katanya, lobak merah se-berat 27,000 kilogram (kg) itu dibawa masuk dari China.

"Semasa pemeriksaan di-jalankan, didapati maklumat pada label lobak merah terse-but tidak sama seperti yang diikrarkan dalam siji perakuan dikemukakan.

"Oleh itu, kesemua lobak me-rah segar tersebut telah diram-pas untuk tindakan lanjut," ka-tanya dalam satu kenyataan, di

sini semalam.

Tambah Hiz-zuan, kes itu akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuaran-tin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana me-lakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dua tahun atau ke-dua-duanya.

"Manakala bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak lebih RM75,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," ujarnya.

Beliau turut menasihati se-mua pengimport dan pengeks-port agar mengikut peratu-ran ditetapkan kerajaan bagi memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan Malaysia terpelihara.

Kontena bawa 5,000 bonsai ditahan

KLANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor meram-pas sebanyak 5,000 pokok bonsai dari Taiwan yang mengandungi serangga perosak di Pelabuhan Klang di sini pada Ahad lalu.

Pengesanan serangga perosak itu hasil pemeriksaan jabatan tersebut pada pukul 3.30 pe-tang terhadap dua kontena yang mengandungi pokok tanaman hiasan atau nama saintifiknya *Podocarpus macrophyllus*.

Pengarahnya, Zamri Hashim

berkata, siasatan awal men-dapati dua kontena itu tiba di pelabuhan berkenaan pada 18 April lalu untuk pasaran nurseri tempatan.

"Berat keseluruhan 5,000 pokok bonsai itu dianggarkan 6,690 kilogram dianggarkan bernilai RM18,350.

"Kes disiasat mengikut Sek-syen 14 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Ma-laysia 2011," katanya dalam ke-nyataan di sini semalam.

Ia merupakan kesalahan

mengimport produk pertanian yang dipercayai mempunyai pe-rosak, penyakit atau bahan cemar.

Seksyen itu memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Justeru, beliau menasihati se-mua pengimport dan pengeks-port sentiasa mengikut pera-turan yang ditetapkan supaya kawalan penyakit tumbuhan, ikan, haiwan serta jaminan ke-selamatan makanan terpelihara di negara ini.



PENGUAT kuasa Maqis Johor menunjukkan lobak merah yang ditahan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri kelmarin.

PERMINTAAN MENINGKAT

Kegiatan penyeludupan beras tak sah dari Bangladesh dijangka berterusan sehingga Aidilfitri



Oleh Yusmizal
Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Putrajaya

Ketika sambutan Aidilfitri beraki kurang dua minggu lagi, pihak berkuasa mengesan kegiatan penyeludupan beras tidak sah dari Bangladesh ke negara ini kian meningkat.

Setiap bulan, dianggarkan sejumlah beras dari Bangladesh dibawa masuk melalui beberapa laluan ke negara ini dipercayai atas permintaan jutaan warganegara Bangladesh dan pelarian Rohingya di sini.

Untuk rekod, Harian Metro



Kemasukan beras pelbagai jenama dari Bangladesh ini memberi kesan kepada pasaran beras tempatan sebanyak tiga hingga empat peratus berdasarkan penggunaan warga Bangladesh yang ada di negara ini"

Azman

sebelum ini pernah mendedahkan kegiatan penyeludupan beras tidak sah dari

India.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, tindakan menyeludup beras dari Bangladesh dikesan baru-baru ini hasil tindakan penguatkuasaan Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Katanya, beras berkenaan diseludup masuk berdasarkan permintaan tinggi pekerja Bangladesh dan etnik Rohingya di negara ini.

"Kita dapati trend ini semakin meningkat dan dijangka berterusan sehingga Aidilfitri kerana bekalan ini mempunyai pembeli tetap. Hasil semakan mendapati, setiap bulan ada saja stok akan masuk dan berjaya kita patahkan. Kemungkinan ada lagi yang belum kita kesan."

"Kemasukan beras pelbagai jenama dari Bangladesh ini memberi kesan kepada pasaran beras tempatan sebanyak tiga hingga empat peratus berdasarkan penggunaan warga Bangladesh yang ada di negara ini."

"Bukan itu saja, seperti juga beras tidak sah dari India yang kita dedahkan sebelum ini, ia menjejaskan kutipan

cukai negara kerana diseludup masuk oleh mereka yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, beras Bangladesh berkenaan lebih rendah kualiti daripada beras tempatan dan dijual pada harga RM10 untuk tiga kilogram (kg).

"Kes ini kita siasat mengikut Seksyen 20, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994," katanya.

Menurutnya, menerusi pemeriksaan berterusan penguatkuasa KPB, pihaknya sudah merampas sejumlah 300 tan beras sejak April 2020 sehingga kini membabitkan pelbagai kesalahan di bawah Akta 52.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada agensi kerajaan lain termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) yang bersama-sama dalam operasi membanteras beras seludup ini dan berharap ia akan diteruskan."

"Walaupun kita berada di dalam suasana sambutan perayaan, penguat kuasa KPB akan terus memantau dan menyerbu lokasi dipercayai menjadi tempat penyimpanan beras ini. Kita tak akan berkompromi," katanya.

Pelabuhan Klang Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Majqs) Selangor menahan sebuah kontena yang membawa 5,000 pokok tanaman hiasan selepas dikesan mengandungi serangga perosak di Pelabuhan Klang Barat, di sini, Ahad lalu.

Pengarahnya, Zamri Hashim berkata, tanaman hiasan jenis *podocarpus macrophyllus* (jenis bonsai) dari Taiwan itu ditahan menerusi pemeriksaan rutin oleh pegawai penguat kuasa Maqis pada jam 3.30 petang.

"Ketika pemeriksaan, pe-



5,000 pokok tanaman hiasan miliki serangga perosak

nguat kuasa Maqis menemui serangga perosak pada setiap pokok berkenaan, namun masih belum dikenal pasti dan masih dalam siasatan.

"Siasatan juga mendapati, tanaman hiasan seberat kira-kira 6,690 kilogram itu dianggarkan bernilai RM18,750."

"Siasatan ke atas syarikat yang membawa masuk tanaman hiasan itu mendapati ia dibawa masuk bagi pasaran tempatan (nursery)," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Zamri berkata, kontena yang mengandungi tanaman hiasan berkenaan ditahan untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 14, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 kerana mengimport produk pertanian yang dipercayai mempunyai perosak, penyakit atau bahan cemar."

"Kesalahan berkenaan memperuntukkan denda maksimum RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya denda maksimum RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalah-



KONTENA yang mengandungi tanaman hiasan berkenaan ditahan untuk tindakan lanjut.

lahan," katanya.

Beliau juga menasihati pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan ditetapkan supaya kawalan penyakit tumbuhan, ikan, haiwan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Beras di seludup dari Bangladesh meningkat



Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Azman Mahmood, menunjukkan operasi rampasan beras. FOTO SAIFULLIZAN TAMADI

Putrajaya: Ketika sambutan Aidilfitri berbaki kurang dua minggu lagi, pihak berkuasa mengesan kegiatan penyeludupan beras tidak sah dari Bangladesh kian meningkat ke negara ini.

Setiap bulan, dianggarkan sejumlah beras dari Bangladesh dibawa masuk melalui beberapa laluan ke negara ini dipercayai atas permintaan jutaan warganegara Bangladesh dan pelarian Rohingya di sini.

Untuk rekod, Harian Metro sebelum ini pernah mendedahkan kegiatan penyeludupan beras tidak sah dari India.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Azman Mahmood berkata, tindakan menyeludup beras dari Bangladesh dikesan baru-baru ini hasil tindakan penguatkuasaan Bahagian Kawalselia Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

Katanya, beras berkenaan diseludup masuk berdasarkan permintaan tinggi pekerja Bangladesh dan etnik Rohingya di negara ini.

"Kita dapati trend ini semakin meningkat dan dijangka berterusan sehingga Aidilfitri kerana bekalan ini mempunyai pembeli tetap. Hasil semakin mendapati, setiap bulan ada saja stok akan masuk dan berjaya kita patahkan. Kemungkinan ada lagi yang belum kita kesan.

"Kemasukan beras pelbagai jenama dari Bangladesh ini memberi kesan kepada pasaran beras tempatan sebanyak tiga hingga empat peratus berdasarkan penggunaan warga Bangladesh yang ada di negara ini.

"Bukan itu saja, seperti juga beras tidak sah dari India yang kita dedahkan sebelum ini, ia menjejaskan kutipan cukai negara kerana diseludup masuk oleh mereka yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, beras Bangladesh berkenaan lebih rendah kualiti daripada beras tempatan dan dijual pada harga RM10 untuk tiga kilogram (kg).

"Kes ini kita siasat mengikut Seksyen 20, Akta Kawalan Padi dan Beras 1994," katanya.

Menurutnya, menerusi pemeriksaan berterusan penguatkuasa KPB, pihaknya sudah merampas sejumlah 300 tan beras sejak April 2020 sehingga kini membabitkan pelbagai kesalahan di bawah Akta 522.

"Saya juga ingin berterima kasih kepada agensi kerajaan lain termasuk Pasukan Gerakan Am (PGA) yang bersama-sama dalam operasi membanteras beras seludup ini dan berharap ia akan diteruskan.

"Walaupun kita berada di dalam suasana sambutan perayaan, penguatkuasa KPB akan terus memantau dan menyerbu lokasi dipercayai menjadi tempat penyimpanan beras ini. Kita tak akan berkompromi," katanya.

Headline	Sabah`s ASF suspected came from Philippines		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	28 Apr 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	20	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,576
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,727



傑菲里：或涉偷渡者 非洲豬瘟疑從菲傳入沙

（亞庇27日讯）沙巴副首长兼农业及渔业部长拿督斯里杰菲里吉丁岸表示，沙巴爆发的非洲猪瘟疫（ASF）被怀疑是从菲律宾传入。

杰菲里表示，虽然在行动管制令实行后，沙巴就关闭边境，但是非法移民依然有管道入境沙巴。因此，他怀疑这是导致沙

巴爆发非洲猪瘟疫的原因。

杰菲里是今日在沙巴立新党合作社成立大会上，这样表示。

“兽医局已采取必要的措施，确保非洲猪瘟疫不会进一步扩散。我们已在多个地区展开行动，成功控制疫情，目前只有纳巴湾有（新）病例。”

他重申，非洲猪瘟疫并

非人畜共患的疾病，不会感染人类。不过，他劝请民众在这段期间不要猎捕野猪。

杰菲里于上周五指出，随着兽医局在纳巴湾发现新病例，全州疫区增至10个。目前，疫情没有蔓延至商业养猪场。

根据资料指出，非洲猪瘟疫主要透过接触传染，传染源包括染病的猪、猪肉和其他猪产品（厨余等），猪只的发病死亡率可高达100%。

Headline	MBSA kumpul lebih makanan		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	28 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	24	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	419 cm ²
Journalist	NORRASYIDAH ARSHAD	AdValue	RM 4,126
Frequency	Weekly	PR Value	RM 12,377



Sukarelawan membungkus lebih makanan bazar Ramadan di Seksyen 17, Shah Alam untuk diberi kepada golongan memerlukan pada 19 April. Foto MBSA

Edar kepada golongan memerlukan

MBSA kumpul lebih makanan

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjalankan program mengumpul lebih makanan di tapak bazar Ramadan Seksyen 17 di sini bagi mengelak pembaziran.

Sebanyak 42.1kg lebih juaedah dan 16.4 liter minuman diterima daripada peniaga pada hari pertama program Food Waste Management-Food Rescue.

Mengikut Facebook Jabatan Sisa Pepejal MBSA, lebih makanan diedar kepada mereka yang memerlukan manakala sisa makanan atau organik dikumpul untuk dikompos.

"Tujuan program ini dijalankan bagi mengelakkan pembaziran sekali gus dapat mengurangkan sisa makanan yang dihantar terus ke tapak pelupusan," kata kenyataan pada 19 April.

Program itu dijayakan bersama badan bukan kerajaan (NGO) WWF Malaysia, Pertubuhan Pemuda GEMA,

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) serta Kelab Harmoni Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Sebelum ini, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menganggar kira-kira 10,000 tan makanan yang masih elok terbuang sehari di seluruh semenanjung pada awal Ramadan.

Jumlah tersebut dijangka meningkat kerana semakin ramai pengguna berbelanja menjelang akhir Ramadan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/4/2021	KOSMO	ONLINE	

Kerian sebagai hub makanan laut



BAGAN SERAI – Kerajaan Negeri Perak bercadang untuk menjadikan Daerah Kerian sebagai hub makanan laut sepanjang bulan Ramadan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan, Razman Zakaria berkata, setiap kali bulan Ramadan, makanan laut terutama kerang dan pelbagai jenis siput menjadi antara menu wajib di nikmati semua lapisan masyarakat khususnya umat

islam apabila usai solat terawih.

” Apabila tiba bulan Ramadan, Daerah Kerian menjadi antara daerah yang di sebut-sebut dan menu kerang rebus yang dicicah dengan kuah kacang menjadi ‘trade mark’ tersendiri daerah ini.

” Cadangan menjadikan Kerian sebagai hub makanan laut merupakan satu cadangan yang menarik dan kita akan bincangkan perkara ini dengan beberapa agensi lain termasuklah Kementerian Pelancongan sebelum ianya dilaksanakan,” katanya di sini, hari ini.

Menurutnya lagi di daerah Kerian terutama di kawasan Bagan Serai dan Parit Buntar, kini terdapat lambakan gerai dan premis yang menyajikan menu ini.-K! ONLINE

SUSTAINABLE CONSUMPTION

We must rethink how we produce and consume food

DURING Ramadan, it is timely to reflect on our food consumption and, more crucially, food waste.

The World Health Organisation and United Nations food agencies estimate that more than 800 million people do not get enough food, while two billion people suffer the hidden hunger of malnutrition. More than 160 million children under 5 risk stunted growth and development because of malnutrition.

Significant quantities of food are wasted at the retail and consumption stages. It is worse prevalent, underlining the fragility of food systems, which encompass agriculture, food supply chain, food environment, socio-economic development, consumer behaviour as well as diet.

The state of our food system is a barometer of human wellbeing, environment, society, economy and culture, linked to not only life and livelihood, but also education, human rights, security



DR HOE HAN GOH

and peace. Failure to supply healthy food can result in malnutrition, with higher risks of stunting, wasting and obesity, which are chronic threats to public health.

Resources such as water, land, energy, labour and capital are lost when food goes to waste. Furthermore, waste in landfills contributes to greenhouse gases that exacerbate climate change.

Therefore, preventing the collapse of food systems worldwide is paramount to human and planetary health. The current system of food production, processing, transportation and consumption

will need to be re-examined to identify vulnerabilities and bottlenecks at the local, regional and global levels.

While Malaysia is still blessed with a short supply chain of staple food, we cannot overlook the urgency of food crises worldwide as populations, urbanisation and non-communicable diseases increase, compounded by extreme weather, and decreasing land and freshwater for agriculture.

Rising prices as a consequence of food waste will be harder felt by those at the bottom of society. Hence, we should all reduce food waste as a humanitarian act, as advocated by the International Day of Awareness of Food Loss and Waste initiated by the Food and Agriculture Organisation.

Food waste is a complex problem in food security that involves everyone, from governance, producers, logistics, retailers, to consumers. UN Secretary-General António Guterres considers "food loss and waste as an ethical outrage with over one third of the

human population not being able to afford a healthy diet".

Prompt action must be taken to fortify the country's food supply chain before it becomes a crisis.

We must all reduce, reuse and recycle, to ensure sustainability for future generations. Overpackaging with non-degradable plastic must be avoided. Everyone should consume moderately to reduce leftovers.

Extra food in good condition should be donated to the poor and marginalised. Most food waste can be composted into fertiliser.

Indigenous communities, family farmers, rural women and youth can be incentivised to take up small-scale food crop farming to foster a more productive, environmentally sustainable and resilient food system.

Women's roles in the food system are often overlooked. They produce much of the world's fresh produce and as consumers, they choose and cook the ingredients to feed the family.

Therefore, women should be empowered as producers with knowledge in production and post-harvest handling, as entrepreneurs with marketing and business development know-how and as consumers with information on food and nutrition.

Government agencies facilitate small-scale producers' access to markets and incentivise agricultural enterprises with safety and quality assurance along the supply chain.

Funding for solutions to reduce food waste, consumption of natural resources or energy, and the ecological footprint of supply chains should be increased.

Everyone must contribute to ensuring future access to safe and nutritious food via a shift towards sustainable consumption and nature-positive production.

The writer is an associate professor at Universiti Kebangsaan Malaysia leading the Plant Functional Genomics Research Group at the Institute of Systems Biology

Taman Agroteknologi Pertanian pacu peningkatan pengeluaran makanan negara

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) menawarkan tanah seluas 138 hektar kepada Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang (JPNPP) untuk membangunkan Taman Agroteknologi Pertanian PERDA.

Tanah tersebut akan dikawal selia bagi Program Food Security selama tempoh 10 tahun di bawah projek taman tersebut.

Timbalan Menteri II Pembangunan Luar Bandar, Datuk Henry Sum Agong berkata, tanah itu melibatkan kawasan sedia ada iaitu kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan I (TKPM I) seluas 78.5 hektar.

Menurutnya, tanah itu juga melibatkan kawasan baru TKPM II seluas 59.5 hektar yang mana kedua-duanya terletak di Ara Kuda, Tasek Gelugor di Seberang Perai Utara (SPU).

"Tanah tersebut akan dikenali sebagai Taman Agroteknologi Pertanian PERDA yang dijangka bermula pada Jun ini. Ia akan dibangunkan oleh JPNPP sebagai Projek Perintis Taman Agroteknologi Pertanian PERDA menggunakan kaedah teknologi pintar dan terkini.

"Sebelum ini, TKPM I telah diusahakan semenjak 2007 melibatkan 35 peserta. Dari skop pembangunan, JPNPP akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan sokongan teknikal manakala PERDA berperanan menyediakan tanah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Projek Taman Agroteknologi Pertanian PERDA antara PERDA dan JPNPP di Teluk Bahang, di sini pada Isnin.

138 hektar untuk Taman Agroteknologi Pertanian

Turut hadir, Pengerusi PERDA, Khaliq Mehtab Mohd Ishaq, Pengurus Besar PERDA, Datuk Rosman Hashim dan Pengarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Mohd Muhaimin Ibrahim.

Tambahnya, antara objektif pembangunan taman itu adalah membangunkan kawasan pertanian moden dan sebagai hub pengeluaran benih.

"Selain itu, ia juga bertujuan meningkatkan pengeluaran makanan negara di bawah Program Food Security. Ia juga sebagai meningkatkan sosio ekonomi penduduk serta menyediakan peluang pekerjaan.

"Ia juga dilihat dapat membantu petani dan pengusaha pertanian di negeri ini selain menjadi kawasan penyedia makanan sihat dan selamat. Kaedah pemilihan peserta akan dibuat bersama antara PERDA dan JPNPP. Peserta terpilih akan mengusahakan tanaman kontan serta sayur-sayuran seperti halia.

"Peserta terpilih akan menandatangani perjanjian penyewaan bersama PERDA sebagai pemilik tanah. Menerusi MoU ini, saya berkeyakinan



Henry (tengah) menandatangani majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Projek Taman Agroteknologi Pertanian PERDA antara PERDA dan JPNPP di Bahang Bay, Teluk Bahang, Pulau Pinang.

ia akan meningkatkan pengeluaran makanan negara serta membangunkan kawasan pertanian moden," katanya.

Terdahulu, Henry mengadakan lawatan kerja ke projek PERDA antaranya melawat Institut Kemahiran Tinggi Perda (PERDA-TECH) di Bukit Panchor, Nibong Tebal, Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang di Balik Pulau dan Hotel Bahang Bay milik PERDA di Teluk Bahang.

Mengulas mengenai lawatan di PERDA-TECH, Henry berkata, PERDA-TECH menawarkan tujuh program di peringkat sijil dan diploma.

Tambahnya, antara program di peringkat sijil adalah Kejuruteraan Elektrik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Automatif, Senireka Pakailan dan Multimedia Kreatif.

"Bagi peringkat diploma pula, antara program yang ditawarkan adalah Diploma Kemahiran Malaysia Teknologi Maklumat, Teknologi Kejuruteraan Senireka Produk dan Produksi Kreatif Filem dan Animasi.

"Selain itu, Program Khas Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) untuk pelajar yang tidak mempunyai tahap akademik mencukupi juga disediakan antaranya Sijil Kemahiran Khas Fabrikasi Logam dan Sijil Kemahiran Khas Pendawaan Elektrik," katanya.

Henry berkata, sejak PERDA-TECH ditubuhkan sehingga tahun lalu, ia mempunyai 9,841 pelajar yang mana pelajar terkini sesi Januari 2021 adalah 438 orang.

Sementara itu, Khaliq berkata, Projek Perumahan Sejahtera Rakyat (PPSR) Kuala Sungai Pinang di Balik Pulau telah siap dan dijangka akan menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada Mei nanti.

"Projek itu terdiri daripada rumah kos rendah iaitu 46 unit rumah berkembar satu tingkat jenis A dan enam unit rumah berkembar satu tingkat jenis B. Ia terletak di Jalan Kuala Sungai Pinang/Lintang Nelayan.

"Kita memiliki tapak pada 27 Mac 2018 dan projek siap pada 8 Disember tahun lalu. Status terkini, ia sudah pun siap dan menunggu untuk memperoleh CCC," katanya.



Henry (tengah) melihat salah seorang pelajar yang menyertai program PERDA-TECH.

PERDA-TECH menawarkan tujuh program di peringkat sijil dan diploma antaranya Kejuruteraan Elektrik, Teknologi Kimpalan, Teknologi Automatif, Senireka Pakailan dan Multimedia Kreatif.



Henry (kiri) dirifling Khaliq (kanan) melawat PERDA-TECH yang terletak di Bukit Panchor, Nibong Tebal pada Isnin.

Dorongan ayah jadi usahawan madu

Sertai kursus, ekspo dan jualan bagi pasarkan madu tualang yang dijual

Oleh FARAH SHAZWANI

JOHOR BAHRU

Dorongan ayah yang melihat potensi madu tualang telah membuka jalan bagi seorang pemuda, Idham Bahtera Othman, 43, untuk serius dalam bidang perniagaan.

Walaupun tidak mempunyai asas dalam bidang itu, hasil tunjuk ajar dan sering membantu ayah yang berniaga madu secara kecil-kecilan sejak 1997 membuatkan pemuda ini mula menanam minat dalam bidang perniagaan.

Menceritakan permulaan perniagaan madu tualang jenama Yubalam ini, Idham berkata, semuanya bermula pada tahun 2001 sebaik sahaja dia menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sastera di Universiti Putra Malaysia.

"Pada masa itu, saya bekerja sambil tapi satu hari, ayah telefon dan nasihat saya pulang dan bantu jual madu secara serius.

Saya kemudian ambil keputusan balik kampung di Johor Bahru dan mula berniaga.

"Bermula tahun 2003, saya mula mendaftar perniagaan sendiri dan mula serius dengan jenama Yubalam. Pada masa itu juga, saya mula kenal dengan MARA dan berjinak-jinak menyertai pelbagai kursus berkaitan sebab saya tiada pendidikan formal dalam perniagaan," katanya.

Jelas Idham, dia mula membina rangkaian perhubungan dalam perniagaan setelah menyertai pelbagai kursus, ekspo dan jualan bagi memasarkan madu tualangnya.

Bermula dengan modal RM3,000, dia sentiasa memastikan produknya ditambah baik dari semasa ke semasa, termasuk daripada segi pembungkusan dan pelabelan.

"Saya bertuah kerana mendapat banyak bantuan dan geran daripada agensi-agensi berkaitan seperti MARA, Perbadanan Usahawan Johor dan IRDA (Lembaga Kemajuan Wilayah Iskandar), sekali gus ia turut mempromosikan produk keluaran Yubalam," katanya.

Idham berkata, saban tahun



Idham bersama sebahagian daripada produk madu yang dikeluarkan.

dia turut menyertai MAHA (Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia) dan MIHAS (Pameran Halal Antarabangsa Malaysia) dan daripada situ, perniagaannya terus berkembang dan mendapat pelanggan dari seluruh pelosok tanah air.

Melihatkan perniagaan yang kian berkembang dan di atas kesedaran untuk terus menimba ilmu perniagaan, Idham kemudiannya mengambil keputusan untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan di Universiti Malaysia Pahang pada tahun 2017.

Bekalan daripada Indonesia

Bekalan madu tualang diperolehnya dari Riau, Indonesia dan biasanya bekalan diperoleh sebanyak 500 kilogram untuk tempoh dua bulan.

Madu itu kemudiannya menjalani proses penapisan, pembotolan dan pelabelan, sebelum diedarkan dan dijual kepada pelanggan.

Jelasnya, madu yang dijual dalam pelbagai variasi bekas, iaitu 200 gram (RM25), 345 gram (RM40), 500 gram (RM55), 1 kilogram (RM100) dan turut menjual madu dalam bentuk stick yang berharga RM1 setiap satu.

Selain menjual secara fizikal di kedainya di Taman Universiti di sini, dia turut menjualnya di pasar-pasar tani dan secara online bermula 2019.

"Alhamdulillah, sekarang saya mampu memperoleh jualan sehingga RM10,000 sebulan, hasil jualan secara fizikal dan dalam talian. Paling mengembirakan, ada rakan saya yang mengambil produk madu Yubalam ini dan menjualnya secara

dalam talian mampu mencatat jualan RM10,000 dalam tempoh dua bulan," ujarnya.

Bagaimanapun, Idham berkata, perniagaan itu sukar untuk bergerak pantas memandangkan ia adalah bahan semula jadi dan bergantung bekalan diperoleh.

"Saya bersyukur kerana masih mampu bertahan dan saya sentiasa cuba menambah baik kualiti dan produk saya.

"Saya antara yang terawal mendapatkan sijil halal bagi perniagaan madu tualang ini. Selain itu, saya bekerjasama dengan UNIPEQ Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menghantar sampel madu untuk diuji bagi menjaga kualiti madu asli yang dikeluarkan.

"Saya juga bekerjasama dengan GENOM Malaysia yang membangunkan 'rapid kid' untuk menguji madu mentah (madu asli) bagi menjaga keasliannya," katanya.

Ditanya impiannya, pemuda ini menyatakan basrat untuk membina sebuah tempat dijadikan tarikan 'eco-tourism' berkaitan dengan lebah.

Inspirasi itu katanya, hasil daripada lawatannya ke sebuah taman lebah di Jakarta, Indonesia pada 2015.

"Saya lihat taman lebah di sana menjadi tarikan terutamanya daripada kanak-kanak dan pelajar. Bukan sahaja mereka diberi penerangan tentang lebah dan madu, tapi tempat itu juga dilengkapi dengan bilik tayangan, bilik seminar, tempat kursus dan pelancong boleh melihat sendiri lebah dan madu.

"Jika dibuat di sini, saya rasa tentu ia akan menjadi tarikan pelancongan baharu, sekali gus menarik minat orang ramai tentang madu dan lebah," katanya.



Sebahagian daripada produk madu tualang keluarannya.



Idham turut menjual produknya di ekspo-ekspo perniagaan.